

Pertubuhan Tarekat pertama di Malaysia, **didaftarkan**

PERTUBUHAN Tarekat Muktabar Malaysia (Pertama) kini didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Yang Dipertuanya, Datuk As'ari Ibrahim berkata, Pertama didaftarkan pada 9 September lalu bertujuan menambat persaudaraan dan silaturahmi antara pengamal pelbagai kumpulan tarekat di Malaysia.

"Pertama juga adalah satu wadah khidmat untuk masyarakat. Pertama bukan satu badan NGO yang menggabungkan semua tarekat sebaliknya hanya satu NGO yang dianggotai oleh pengamal kepelbagaian tarekat.

"Kalau dahulu kita dengar pengamal tarekat terpaksa belajar secara sembunyi kerana disalahertikan tapi kini kita telah mendapat pengiktirafan sebagai sebuah NGO dan Insya-ALLAH dapat mengurusperdanakan amalan tarekat dalam masyarakat demi pembangunan negara," katanya pada majlis sidang media pelancaran Zikir Perdana dan perasmian Pertama di Hotel The Majestic, Kuala Lumpur.

As'ari berkata, Pertama sedang berusaha ke arah mewujudkan Majlis Sufi Negara dengan semua aliran tarekat, golongan akademik dan agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan yang berkaitan demi berbakti kerana ALLAH SWT dan agama.

Majlis ini katanya akan bertindak sebagai badan rujukan dan boleh memberikan garis panduan pembangunan institusi tarekat.

"Untuk itu, lajnah Kawalan Tarekat diwujudkan yang dianggotai oleh tuan guru, profesor dan masyaikh. Kalangan ahli tarekat dan Pertama juga adalah mereka yang mempunyai PhD dalam bidang usuluddin, tasawuf dan fiqh.

"Kita juga ada guru-guru dari sekolah pondok yang mempunyai rangkaian ilmu yang mantap dan sentiasa bekerjasama dengan jabatan agama. Kini Pertama adalah pertubuhan yang mengamalkan tarekat yang muktabar atau sahih. Setiap pendaftaran ahli baru juga akan menjalani tapisan," katanya.

Sementara itu, Abdul Raof Nurin berkata, Pertama akan menganjurkan banyak lagi program seperti Majlis Zikir Perdana, Simposium Tarekat Tasawuf yang bertemakan ke arah Memartabatkan Amalan Tarekat Tasawuf, kerjasama dengan pihak IPTA tempatan dalam

penganjuran muzakarah dan sebagainya.

"Tujuan Pertama adalah untuk mencari kebaikan dan Insya-ALLAH dalam mengurusperdanakan amalan tarekat dalam masyarakat. Usaha mewujudkan Majlis Sufi Negara yang akan melibatkan golongan akademik, agensi kerajaan seperti Jakim serta semua aliran tarekat sedang giat dijalankan demi berbakti kerana ALLAH.

"Untuk program yang direncanakan pada Sabtu ini (7 November), iaitu Zikir Perdana, Pertama menjangkakan majlis ini akan disertai oleh ribuan umat Islam terdiri daripada ulama ulama terkemuka dari dalam dan luar negara," tambahnya.

Majlis ini juga turut menarik minat selebriti antaranya, Mawi, Nabil Ahmad, Izzue Islam dan Kumpulan Forteen, Ayu OIAM, Siti Nor Diana, Siti Elizad, Farawahida, Hisyam Hamid, Faye Kushairi, Fazli Zainal dan ramai lagi.

Majlis pelancaran Pertama dan Zikir Perdana ini akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Umat Islam dijemput hadir bagi sama-sama menayakan program zikir perdana yang akan dihadiri ulama-ulama terkemuka dari dalam dan luar negara, guru dan asatizah, pelajar-pelajar sekolah pondok, madrasah dan pusat tahfiz seluruh negara.

Antara pengisian Simposium Tarekat Tasawuf yang akan diadakan di Auditorium Masjid Putra, Putrajaya pada hari Ahad ini adalah mengenai *Kedudukan dan Kepentingan Tarekat Tasawuf Dalam Islam* yang akan disampaikan oleh bekas pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM), Jahid Sidek Al-Khalidi; *Amalan Zikir Ismu Zat, ALLAH, ALLAH, ALLAH, Jalan Menuju Hakikat dan Ma'rifatullah* oleh Pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof Madya Dr Syed Hadzrullatfi Syed Omar; *Peranan Tarekat Tasawuf Dalam Membetulkan Akidah Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplimentari* oleh Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Pahang, Dr Mahyuddin Ismail dan *Peranan Tarekat Tasawuf Dalam Menghalang Aktiviti Keganasan dan Keruntuhan Akhlak* oleh Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Ahmad Najaa Mokhtar.



As'ari (dua, kiri) menerangkan mengenai Pertama semasa sidang media pada 20 Oktober baru-baru ini.